

# Tak rela maruah tercalar

>>Oleh Saiful Affendy Sapran

saifulaffendy@hmetro.com.my

**P**ELUANG skuad Olimpik negara merebut tiket pada Sukan Olimpik di London sememangnya sudah tertutup rapat namun maruah skuad negara tidak boleh tercalar lagi pada baki dua perlawanan peringkat Kumpulan C menentang Jepun dan Syria pada 22 Februari dan 14 Mac ini.

Demikian tekad pemain pertahanan negara, Mahali Jasuli yang mahu memastikan skuad negara sekurang-kurangnya mampu memungut satu mata, terutama pada perlawanan dengan Jepun bagi memastikan maruah negara tidak diperlekeh lagi selepas kecundang empat perlawanan berturut-turut sebelum ini.

“Kecewa memang kecewa kerana kita tewas semua perlawanan sebelum ini tapi daripada satu sudut, ia adalah pendedahan yang bagus untuk skuad negara kerana sudah lama kita tidak beraksi pada saingan ini.

“Bagi saya baki dua perlawanan selepas ini tetap penting kerana ia menen-



**SEMANGAT...Mahali (kiri) tekad pungut mata.**

tukan maruah skuad negara. Harap kita tidak tewas lagi sebaliknya dapat terus memberi cabaran dan memungut mata,” kata penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) itu yang ditemui di Majlis Anugerah Kemenangan Sukan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) semalam.

Mengulas perlawanan dengan Jepun, Mahali tidak menafikan skuad Matahari Terbit itu sememangnya lebih

baik berbanding skuad negara namun bukan bermakna dia serta rakan sepasukannya akan memberi laluan mudah pada pertemuan kali kedua dengan Jepun nanti.

“Saya rasa kita mampu memberi saingan kerana berdasarkan perlawanan pertama, jurang antara kami dengan Jepun tidak jauh berbeza walaupun kita tewas,” katanya.

Pada pertembungan kali

pertama dengan Jepun 21 September lalu, skuad negara tumpas 0-2 di Stadium To-su.

Tiga perlawanan selepas itu menyaksikan anak buah Ong Kim Swee terus dikecewakan apabila tumpas 0-2 kepada Syria serta 2-3 ketika bertemu Bahrain di Stadium Nasional Bukit Jalil sebelum tewas sekali lagi kepada Bahrain 1-2 pada perlawanan terakhir.